

12 DEC 1998
Mohamed-Taat

TOK MAT: PERPADUAN DAN KESETIAAN MAMPU TANGKIS ANCAMAN LUAR

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Perpaduan dan semangat setia yang tinggi di kalangan rakyat berupaya menolak ancaman dan tekanan dari dalam dan luar negara, kata Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Katanya, walaupun perpaduan penting untuk menjamin kemakmuran negara, semangat setia dan cinta pada negara lebih penting ditanam dalam diri rakyat khususnya golongan muda.

Beliau juga berkata berikutan tekanan yang dihadapi negara, perpaduan dalam Barisan Nasional (BN) kini bertambah erat berbanding dahulu, sehinggakan parti-parti komponennya sekarang ibarat satu keluarga yang besar.

"Sejak wujudnya BN, tidak pernah keakraban seperti sekarang ini wujud. Pemuda BN misalnya begitu aktif daripada dahulu, dan berjaya pula mengumpulkan Pemuda dari kesemua parti komponen BN dalam perjumpaan-perjumpaan besar," katanya.

Mohamed, yang juga Setiausaha Agung BN berkata demikian pada majlis makan malam bagi meraikan jentera Pergerakan Pemuda BN yang bertungkus-lumus untuk mengadakan Perhimpunan Perdana Oktober lepas.

Bagaimanapun, perhimpunan besar-besaran itu, yang sepatutnya diadakan di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini pada 10 Okt lepas, bagi menyatakan taat setia kepada pucuk pimpinan negara dibatalkan kerana tidak mendapat permit polis.

Mohamed berkata walaupun perhimpunan itu gagal diadakan, Gerakan Cetusan Rasa dan program menyatakan taat setia menerusi e-mail, yang dianjurkan BN bagi tujuan yang sama mendapat sambutan yang amat membanggakan terutamanya daripada golongan muda.

Pada majlis itu juga, Mohamed menerima kira-kira 700,000 borang "Sokongan Kepada Malaysia" daripada ketua-ketua dan wakil-wakil komponen Pemuda BN untuk disampaikan kepada Pengerusi BN, yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir pada majlis makan malam itu ialah Pengerusi Pemuda BN Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA
RA RI